



# LAPORAN TAHUNAN **2010**



# KANDUNGAN

	Mukasurat
Perkara	
Sekapur Sirih	1
Pengurusan Jabatan	1
Warga JPBD Johor	1
Arah Tuju	1
Objektif	1
Fungsi	1
Piagam Pelanggan	1
Perjawatan	1
Carta Organisasi	1
Pencapaian KPI dan PTRSJ	1
Pentadbiran dan Kewangan	1
Kehadiran Kursus Mengikut Bidang	1
Majlis Bersama Jabatan	1
Anugerah Perkhidmatan Cemerlang	1
Kewangan	1
Bahagian Teknikal	1
Bahagian Korporat, Lembaga Rayuan dan Urusetia JPN	1
Bahagian Rancangan Pembangunan	1
Rancangan Pembangunan – Siasatan dan Pendengaran Awam	1
Unit ICT dan bank Data	1
Kawalan Perancangan, Projek Khas dan R & D	1
Fail Permohonan Perancangan	1
Perwakilan OSC	1
Kawalan Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian	1
Kawalan Muar, Ledang, batu pahat & Projek Khas	1
Kawalan Kluang, Segamat & R&D	1
Kawalan Kota Tinggi & Mersing	1
Projek Khas	1
Penyelidikan dan Pembangunan (R&D)	1
Aktiviti Sepanjang Tahun 2010	1

Syukur Alhamdulillah, Laporan Tahunan JPBD Negeri Johor Tahun 2010 berjaya disempurnakan dan diterbitkan. Laporan ini merupakan media untuk menyebarkan maklumat pencapaian dan perancangan program Jabatan kepada awam untuk mempertingkatkan lagi prestasi pada tahun-tahun akan datang.

Tahun 2010 merupakan tahun bersejarah bagi JPBD Negeri Johor. Pelbagai program telah dirancang dan berjaya disempurnakan. Pelaksanaan Sistem SIMAP dan Aplikasi Geo-Johor (web) merupakan pencapaian mempercepatkan, merekodkan permohonan perancangan pembangunan dan pencapaian maklumat rancangan pemajuan melalui web oleh sesiapa sahaja.

Selain itu, penyediaan Garispanduan Penyediaan Utiliti yang melibatkan penggalian jalan, semakan semula Piawai Perancangan Negeri Johor, Garispanduan Pembangunan di Sepanjang Sungai Skudai dan Tebrau dan lain-lain garispanduan telah berjaya disiapkan untuk kegunaan Kerajaan Negeri.

Manakala, penyediaan rancangan pemajuan iaitu kajian empat Rancangan Tempatan Daerah Pengubahan melibatkan Daerah Johor Bahru (termasuk Kulaijaya), Daerah Muar (termasuk Ledang), Daerah Batu Pahat dan Daerah Pontian merupakan kejayaan dalam menyelaras dan menyeragam perancangan pembangunan melalui sistem rancangan pemajuan berdasarkan keperluan semasa. Tidak lupa juga melibatkan kajian khusus setempat iaitu Kajian Pembangunan Kepulauan Mersing dan Pembangunan Komuniti Pulau Penarik.

Saya merakamkan jutaan terima kasih dan tahniah kepada segenap lapisan pegawai di JPBD Johor yang telah berganding bahu dalam pencapaian program tahun 2010. Semoga kerjasama dan sumbangan akan berterusan pada tahun-tahun yang akan datang. Sekian, terima kasih

**MOHD AZAM BIN MOHD ABID**

MOHD AZAM BIN MOHD ABID

MD NAZRI BIN ABDULLAH

ZAMIRZAN BIN PUJI

AZURA BINTI HJ. SHAFAWI

MOHAMAD HUSSAINI BIN HARUN

CHE WAN MOHD. RAPANAH BIN CHE WAN EMBONG

LILY AZZURA BINTI HANGSOR





# LATAR BELAKANG





## ARAH TUJU



## MATLAMAT

Pewujudan persekitaran yang berkualiti dan sejahtera melalui perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa yang cemerlang, gemilang dan terbilang.

## VISI

Mewujudkan persekitaran kehidupan manusia yang berkualiti dan mampan selaras dengan ciri-ciri sosio-budaya tempatan di Malaysia amnya dan di negeri khususnya.

## MISI

Menjadikan Jabatan sebagai pusat keunggulan dan kecemerlangan dalam perkhidmatan Perancangan Bandar Dan Desa.





- Untuk mengukuhkan pembangunan fizikal, sosial dan ekonomi kawasan Bandar dan Desa bagi meningkatkan taraf perkhidmatan selaras dengan matlamat negeri;
- Untuk mengatur, mengawal dan menyelaras pemajuan, penggunaan dan pemeliharaan tanah melalui pelaksanaan berkesan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta-akta yang berkaitan;
- Untuk menggubal dan melaksana kaedah-kaedah di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172), pelan dan garis panduan perancangan serta memastikan pemakaian berkesan oleh semua agensi di peringkat pelaksanaan;
- Untuk menjadi penasihat utama dalam Perancangan Bandar dan Desa kepada Kerajaan Negeri dan Pihak Berkuasa Perancang Tempatan (PBPT) dan Agensi berkaitan;
- Menjamin mutu kepakaran dan sistem maklumat bagi tujuan perancangan yang berterusan; dan
- Menyediakan sistem maklumat perancangan yang terkini melalui pendekatan dan kaedah teknologi maklumat yang mudah dirujuk oleh semua pihak.

## FUNGSI


- Pengarah Perancang Bandar dan Desa Negeri dilantik sebagai Setiausaha Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN) dibawah subseksyen 4(1)(d), Akta Perancangan dan Desa, 1976 (Akta 172);
- Mengumpul, mengemaskini dan menganalisa data untuk perancangan pembangunan negeri;
- Menggalakkan dalam Negeri, dalam bidang dasar Negara, pemeliharaan, penggunaan dan pemajuan semua tanah dalam negeri;
- Menasihati Kerajaan Negeri sama ada dengan daya usahanya sendiri atau menyahut permintaan Kerajaan Negeri mengenai perkara-perkara yang berkenaan dengan pemeliharaan, penggunaan dan pemajuan tanah dalam negeri;
- Mengusaha, membantu dan menggalakkan pengumpulan data dan maklumat, penyelenggaraan dan penyiaran perangkaan, buletin dan monograf dan lain-lain siaran yang berhubung dengan Perancangan Bandar dan Desa;
- Memberi nasihat perancangan kepada orang ramai; dan Mentadbir, menyelaras dan melaksana Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan Akta Pindaan berkaitan.





**Dengan Ini Kami Berjanji Untu :**

- Mengadakan mesyuarat jawatankuasa perancangan negeri sekurang-kurangnya 3 kali setahun.
- Memberi ulusan perancangan dalam tempoh 14 hari.
- Mewartakan RSN, RT dan RKK dalam tempoh 6 bulan selepas kelulusan pihak berkuasa negeri.
- Menyediakan kajian semula rancangan struktur dalam tempoh 18 bulan.
- Menyelaraskan penyediaan rancangan tempatan dan rancangan kawasan khas serta memantau pelaksanaan berdasarkan program rancangan Malaysia lima tahun.
- Menyedia dan menyelaras pelan projek khas dalam tempoh 60 hari.
- Mengadakan mesyuarat dengan ketua unit OSC setiap 3 bulan.
- Menyampaikan keputusan bertulis lembaga rayuan kepada perayu dan responden dalam tempoh 10 hari tarikh keputusan diterima dari pengerusi lembaga rayuan.
- Membekal maklumat perancangan (kategori tidak berperingkat) dalam tempoh 5 hari.
- Memberi layanan kaunter dengan berbudi bahasa dalam tempoh 5 minit.




## PERJAWATAN

Tajuk	Gred	Jumlah
Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	VU7	1
Timb. Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J48	1
Ketua Pen. Pengarah, Peg. Perancang Bandar dan Desa	J44	1
Penolong Pengarah, Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J41	4
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J36	1
Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa	J29/J36	9
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J26	1
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J22	1
Juruteknik Perancang Bandar dan Desa	J17/J22	25
Juruteknik (Awam)	J17/J22	2
Pembantu Tadbir (Kewangan)	N22	1
Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan)	N22	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N22	1
Pembantu Tadbir (Kewangan)	N22	1
Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)	N17/N22	2
Pelukis Pelan	J17/J22	3
Pelukis Pelan Rendah - JUMUD	J11	3
Pembantu Tadbir Rendah - JUMUD	N14	1
Pembantu Tadbir Rendah - JUMUD	N11	2
Pencetak Pelan - JUMUD	N12	1
Pembantu Am Pejabat	N1 /N4	3
Pemandu Kenderaan	R3/R6	1
Penolong Pegawai Teknologi Maklumat - Kontrak	F29	1
Pemandu Kenderaan - Kontrak	R3	1
Pembantu Tadbir (P/O) – Kontrak	N17	1
Jumlah		69

Perjawatan JPBD Johor adalah seramai 66 jawatan tetap dan 3 jawatan Kontrak.

Berikutan dengan surat JPA(S) NP.134/1 Klt.19/s.k. 2(11) bertarikh 14.5.2009 mengenai Pelaksanaan Kenaikan Pangkat Pegawai Kumpulan Sokongan yang telah berkhidmat 15 tahun atau lebih dalam Skim Perkhidmatan dan Perkhidmatan Semasa maka setakat ini seramai 13 pegawai telah dinaikkan pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP) mulai 1.7.2009.

Terdapat juga 3 Pembantu Tadbir Rendah (Jurutaip) yang telah diserapkan ke Jawatan Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 mulai 2/7/2009 kerana penjumudan jawatan berkenaan.





# PENCAPAIAN KPI DAN PTRSJ





## PENCAPAIAN KPI DAN PTRSJ

Selaras dengan hasrat Kerajaan memantau pencapaian secara kuantitatif, pihak pengurusan di Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Semenanjung Malaysia telah memperkenalkan Petunjuk Utama Prestasi (KPI) dan Program Tindakan Rancangan Strategik Jabatan (PTRSJ). Pencapaian KPI dan PTRSJ khusus untuk Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Johor bagi aktiviti teras seperti berikut :

KEY RESULT AREA (KRA)	KPI	PENGUKURAN	SASARAN	KUANTITI	PENCAPAIAN (%)	CATATAN
PERANCANGAN AGIHAN SUMBER & GUNATANAH BERKESAN	Memudhcara Pembangunan Bagi Mematuhi Subseksyen 22(2A) Akta 172	Peratus cadangan permohonan kebenaran merancang yang dikategorikan di bawah subseksyen 22(2A) Akta 172 yang dibawa ke MPFN	100 %	-	100 %	Tiada permohonan diterima
	Memudhcara Pembangunan Bagi Mematuhi Seksyen 20A Akta 172	Peratus Projek yang dibawa ke perundingan di bawah Seksyen 20A, Akta 172	100 %	3 projek	100 %	1. Cadangan Menyiapkan Ibu Pejabat Polis Johor Utara Di atas Lot 1585 Mukim Pulai, Skudai, Johor. 2. Permohonan KM Bagi Tujuan Perumahan Kastam Di atas lot 18311, Mukim Bandar, Johor Bharu 3. Permohonan KM Bagi Cadangan Pembangunan Fasa 2 Kampus Institut Keselamatan dan Kesihatan ( NIOSH) Di atas PTD 76266, Mukim Senai, Kulajaya.

KEY RESULT AREA (KRA)	KPI	PENGUKURAN	SASARAN	KUANTITI	PENCAPAIAN (%)	CATATAN
JALINAN HUBUNGAN KERJASAMA & PERUNDINGAN	Jawatankuasa Perancang Negeri	Kekerapan Mesyuarat JPN	3 kali setahun	4	100 %	1.JPN 01/2010 pada 4/1/2010 2.JPN 02/2010 pada 20/4/2010 3.JPN 03/2010 pada 16/4/10 4.JPN 04/2010 pada 12/8/2010
	Bilangan Kertas Dasar Yang Dibentang Di JPN	Bilangan Kertas Dasar Yang Dibentang Di JPN	3 setiap negeri	6	100 %	
	Bilangan Kertas Pemakluman JPN	Bilangan Kertas Pemakluman JPN	3 kertas	36	100 %	Semua Kertas Pemakluman JPN diedarkan kepada pihak terlibat.
	Program Sebaran Am JPBD Negeri	Bilangan perangkaan/ buletin/ monograf serta pelaporan lain yang disiarkan bagi JPBD Negeri	1 keluaran	3 Keluaran	100 %	1.Buletin Rancang Bil 01/2010 2.Pekeliling Industri 3.Buletin Rancang Bil 02/2010

## PENCAPAIAN KPI DAN PTRSJ

KEY RESULT AREA (KRA)	KPI	PENGUKURAN	SASARAN	KUANTITI	PENCAPAIAN (%)	CATATAN
MEMBERIKAN PERKHIDMATAN PERANCANGAN YANG BERKESAN	Kepuasan Pelanggan bagi semua produk/perkhidmatan yang dibekalkan mengikut prosedur yang diteapkan	Tahap Kepuasan Pelanggan bagi perkhidmatan mengikut JPBD Negeri	Skor 3 85 %	650	95 %	
	Maklumbalas Aduan Awam	Maklumbalas Awam dalam tempoh 5 hari	100 %	Tiada aduan diterima	100 %	
	Tunggakan memproses Kebenaran Merancang	Peratus Tunggakan memproses kebenaran merancang di bawah Seksyen 5(2) Akta 172	Tidak diamalkan di Negeri Johor			
	Ulasan Perancangan Bagi Permohonan Kebenaran Merancang	Peratus permohonan yang memenuhi kitaran masa 14 hari bagi ulasan Kebenaran Merancang kepada PBT	85 %	88 %	Pencapaian 100 % Jawapan lisan yang diberi dalam Mesyuarat J/k OSC di PBT.	
	Pengurusan Lembaga Rayuan	Peratus penyelesaian ke Lembaga Rayuan dalam tempoh 12 bulan	50 %	8 kes	87.5 %	

# PENTADBIRAN



PENTADBIRAN DAN KEWANGAN



## PERTUKARAN / KENAIKAN PANGKAT / BERSARA / MELAPOR DIRI

Nama	Jawatan	Kenyataan	Tarikh	
Ahamad bin Ashari	Pembantu Tadbir (P/O) N22	Ke Jabatan Perkhidmatan Veterinar Negeri Johor (Naik Pangkat Hakiki)	1.7.2010	PERTUKARAN KE JABATAN LAIN
Rohana binti Omar	Pembantu Tadbir (P/O) N17	Ke Pejabat Setiausaha Kerajaan (Penjumudan Jawatan Jurutaip) (N11)	1.8.2010	
Zamirzan bin Puji	Pegawai Perancang Bandar dan Desa J44	Ke Majlis Bandaraya Johor Bahru	16.8.2010	
Nama	Jawatan	Tarikh		KENAIKAN PANGKAT SECARA HAKIKI
Rapiah binti Jantan	Penolong Pegawai JPBD J36	1.6.2009		
Nama	Jawatan	Tarikh		BERSARA WAJIB
Mohd. Noor bin Ismail	Pembantu Am Pejabat N1/N4	1.11.2010		
Nama	Jawatan	Tarikh		MELAPOR DIRI
Mahani binti Abu Bakar	Penolong Pegawai PBD J29	26.7.2010		
Aniza binti Sahak	Juruteknik PBD J17	15.3.2010		
Yetty Idayani binti Ishak	Juruteknik PBD J17	15.3.2010		
Muhammad Nasiruddin bin Muhammad Sapii	Juruteknik PBD J17	3.5.2010		
Jumat bin Baharom	Pemandu Kenderaan R3 - Kontrak (MMK 1376/2009)	1.2.2010		
Muhd. Saufi Ukasyah bin Muhd Husni Tamrin	Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29 - Kontrak (MMK 1693/2010)	1.10.2010		
Nama	Jawatan	Tarikh		
Salbiah binti Amat	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 mulai 2.7.2009	1.8.2010		
Hjh. Kalshom binti Din	Pembantu Tadbir (P/O) Gred N17 mulai 2.7.2009	KUP JPBD		

## SENARAI KUP 2009

**KENAIKAN PANGKAT  
SECARA KHAS UNTUK  
PENYANDANG**  
(Berkhidmat 15 tahun  
dan lebih dalam Skim  
Perkhidmatan dan  
Perkhidmatan  
Semasa)

Bil	Nama	Jawatan	Mulai
1.	Haji Md. Ghazali bin Senan	Penolong Pegawai PBD J29/J36	1.7.2009
2.	Haji Syed Mohamad bin Syed Omar	Penolong Pegawai PBD J29/J36	1.7.2009
3.	Wee Moi Moi	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
4.	Mohd. Sani bin Jaafar	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
5.	Ahmad Rahman bin Jamil	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
6.	Azman bin Abd. Manap	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
7.	Haji Rustam bin Kasmani	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
8.	Samad bin Mohmood	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
9.	Ainon binti Marwi	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
10.	Mohd. Mokhtar bin Maarof	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
11.	Hajah Endasah binti Maksud	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
12.	Sasikin bin Mansor	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
13.	Roshaya binti Md. Taib	Juruteknik PBD J1 7/J22	1.7.2009
14.	Steven a/l James	Pemandu Kenderaan R3/R6	1.7.2009
15.	Md. Noor bin Ismail	Pembantu Am Pejabat N1/N4	1.7.2009



## PENTADBIRAN

Bahagian ini adalah berfungsi sebagai sokongan pengurusan dan pentadbiran yang melibatkan mengatur, mengurus dan mentadbir kegiatan-kegiatan Jabatan dan hal-ehwal pentadbiran am. Ini meliputi aktiviti-aktiviti pengendalian keluar-masuk surat, pengurusan mesyuarat, urusan kewangan dan penyelenggaraan peralatan jabatan.

## URUSAN PENTADBIRAN AM

Pada tahun 2010, Jabatan ini telah mendaftar sebanyak 6,598 penerimaan surat yang melibatkan 52 % surat teknikal dan 48 % surat pentadbiran. Bilangan surat juga meningkat 4 % berbanding tahun 2009. Agihan terperinci aktiviti ini sebagaimana kenyataan berikut :

Bil	Jenis Surat	2008	2009	2010
1.	Surat Pentadbiran	3,690	3,289	3,175
2.	Surat Teknikal (Permohonan Perancangan)	3,033	3,049	3,423
	<b>Jumlah Besar</b>	<b>6,723</b>	<b>6,338</b>	<b>6,598</b>

## *Kehadiran Kursus Mengikut Bidang*

### BILANGAN KURSUS YANG DIHADIRI OLEH KAKITANGAN JABATAN MENGIKUT TERAS BAGI TAHUN 2010

KATEGORI	JUMLAH KURSUS
Bidang Kemajuan Kerjaya <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Kursus Induksi Umum / Khusus</i></li> <li>• <i>Kursus Kenegaraan (PTK1)</i></li> </ul>	11
Bidang Peningkatan Kualiti Perkhidmatan <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Pengurusan dan pentadbiran</i></li> <li>• <i>Pengurusan kewangan</i></li> <li>• <i>Aspek berkaitan pentadbiran awam</i></li> <li>• <i>Dasar-dasar negeri / Negara</i></li> </ul>	10
Bidang Pembangunan Kepakaran dalam Pengkhususan <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Undang-undang perancangan</i></li> <li>• <i>Pembangunan lestari</i></li> <li>• <i>Perancangan bersepadu Pemahaman akta</i></li> <li>• <i>Latihan mengikut kepentingan aktiviti utama bahagian</i></li> </ul>	40
Bidang Pembangunan Kemahiran ICT47 <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Teknologi maklumat</i></li> <li>• <i>Geography Information System</i></li> <li>• <i>Pemetaan dan grafik</i></li> </ul>	47
Bidang Pengurusan Pembangunan Diri dan Organisasi <ul style="list-style-type: none"> <li>• <i>Etika professional / Etika kerja dan pembentukan peribadi cemerlang</i></li> <li>• <i>Menyedia dan membentang kertas kerja di Seminar / Persidangan / Bengkel / Kursus</i></li> <li>• <i>Penulisan Minit Mesyuarat</i></li> <li>• <i>Ulasan Buku / Penulisan Jurnal</i></li> <li>• <i>Melanjut pelajaran ke tahap Sarjana dan Kedoktoran (PhD)</i></li> </ul>	18

*Majlis Bersama Jabatan*

MAJLIS BERSAMA JABATAN TAHUN 2010  
 NO. PENDAFTARAN : MJB 4120001  
 TEMPOH KEAHLIAN: 10 JUN 2010 HINGGA 9JUN 2012

**PIHAK PEGAWAI**

Haji Mohd. Azam bin Mohd. Abid	Pengarah
Zamirzan bin Puji	Ketua Penolong Pengarah
Mohamad Hussaini bin Harun	Penolong Pengarah
Lili Azzura binti Hangsor	Penolong Pengarah
Hassan bin Towipan	KPT (P) - Setiausaha
Hamidah binti Reduan	KPT (W)

Mesyuarat Suku Tahun	Tarikh	Jumlah Isu
PERTAMA	16.3.2010	10
KEDUA	31.5.2010	10
KETIGA	19.8.2010	7
KEEMPAT	15.11.2010	6
<b>Jumlah Isu</b>		<b>33</b>


**PIHAK PEKERJA**

Salleh bin Ahmad	Naib Pengerusi
Hazizah binti Shadan	Setiausaha Bersama
Isa bin Tompong	Wakil Pen. PPBD
Suzana binti Hasim	Wakil Juruteknik PBD
Roslee bin Yunos @ Zakaria	Wakil Pelukis Pelan
Faedah binti Ahmad Zainuri	Wakil Pembantu Tadbir
Mohd. Helmi bin Jaron	Wakil PAP
Jumat bin Baharom	Wakil Pemandu

**Ahli Yang Bertukar/Bersara**

Nama	Sebab	Tarikh
Zamirzan bin puji	Bertukar ke MBBB (Pegawai OSC)	16.8.2010

## *Sijil penghargaan MBJ*



Sijil Penghargaan Majlis Bersama Jabatan Yang Diterima Daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia



Sijil Penghargaan Majlis Bersana Jabatan Yang Diterima Daripada Setiausaha Kerajaan Johor

*Anugerah Perkhidmtan Cemerlang 2010*



TUAN HAJI MD GHAZALI BIN SENAN

PUAN SUZANA BINTI HASIM

PUAN SITI HAWA BINTI MIRAN

ENCIK MOHD RIZAL BIN BOHARI

## Kewangan

Kerajaan Negeri Johor telah memperuntukkan sebanyak RM 4,457,000 bagi tahun 2010 kepada Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor. Ini meliputi 55 % untuk emolumen, 43.7 % untuk perkhidmatan dan bekalan dan selebihnya untuk aset.

Perbelanjaan yang dicapai adalah 90 % di mana prestasi perbelanjaan adalah sangat baik. Baki peruntukan 10 % adalah peruntukan sewaan yang tidak digunakan akibat perpindahan Jabatan ke Pusat Pentadbiran Baru Nusajaya. Agihan Peruntukan dan Perbelanjaan Tahun 2010 seperti Jadual di bawah.

Butiran	Tahun 2008		Tahun 2009		2010	
	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)	Jumlah Peruntukan (RM)	Jumlah Perbelanjaan (RM)
Emolumen	2,032,000	2,161,498	2,271,996	2,210,355	2,457,500	2,321,526
Perkhidmatan dan Bekalan	1,785,000	1,542,888	1,563,962	1,525,491	1,949,500	1,671,932
Aset	31,000	21,273	202,042	190,791	50,000	49,973
<b>Jumlah</b>	<b>3,848,000</b>	<b>3,725,657</b>	<b>4,054,000</b>	<b>3,940,596</b>	<b>4,457,000</b>	<b>4,043,431</b>

## ASET JABATAN

Pelupusan aset Jabatan bagi tahun 2010 telah dijalankan mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5/2007 - KEW.PA-20. Hasil pelupusan adalah sebanyak RM3,559.00 melalui jualan. Pelupusan aset secara perpindahan adalah bernilai RM19,740.00 dan cara musnah sebanyak RM168,567.86

## *Bahagian Teknikal*

Bahagian Teknikal ini merupakan bahagian yang melaksanakan secara khusus aktiviti perancangan bandar dan desa di Negeri Johor berlandas Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172) dan perundangan berkaitannya.

Ini melibatkan fungsi Setiausaha kepada Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN), Perancangan Korporat, Lembaga Rayuan (LR), Pemprosesan Permohonan Perancangan Pembangunan, Rancangan Pemajuan, Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), Projek Khas dan Bank Data.

Kumpulan Pegawai yang terlibat di dalam Bahagian Teknikal ini adalah:

- Pegawai Perancangan Bandar dan Desa (Gred J41 dan ke atas) bagi kumpulan Pengurusan dan Profesional yang terdiri dari Pegawai Persekutuan.
- Penolong Pegawai Perancang Bandar dan Desa (Gred Gred J29 dan J36).
- Juruteknik Perancang Bandar dan Desa (Gred J17 dan J22).
- Juruteknik Awam (Gred J17) Pelukis Pelan (Gred J17).



*Bahagian Korporat, Lembaga Rayuan Dan JPN*



## KEAHLIAN JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI

BIL	PORTFOLIO/ JABATAN	NAMA
1	Menteri Besar Johor	Y.A.B Dato' Abd Ghani bin Othman
2	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/kuasa Perumahan, Kerajaan Tempatan, Kerja Raya dan Kemudahan Awam)	Y.B Datuk Haji Ahmad Zahri bin Jamil
3	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/kuasa Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Tenaga Air, Komunikasi dan Alam Sekitar)	Y.B Encik Tan Kok Hong @ Tan Yi
4	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/Kuasa Pertanian dan Industri Asas Tani)	Y.B Tuan Haji Abd. Aziz bin Kaprawi
5	Ahli Mesyuarat Kerajaan Negeri (Y.B Pengerusi J/Kuasa Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Kesenian, Kebudayaan dan Warisan)	Y.B Puan Asiah bte Md. Ariff
6	Y.B Setiausaha Kerajaan Johor	Y.B Dato' Abd Latiff bin Yusof
7	Y.B Penasihat Undang-Undang Negeri Johor	Y.B Datuk Abd Rahman bin Putra
8	Y.B Pegawai Kewangan Negeri Johor	Y.B Datin Paduka Zainon bte Yusof
9	Pengarah Unit Perancang Ekonomi Negeri Johor	Dato' Hamsan bin Saringat
10	Pengarah Tanah dan Galian Negeri Johor	Tuan Haji Obet bin Tawil
11	Pengarah Jabatan Kerja Raya Negeri Johor	Y.B Dato' Abu Bakar bin Ahmad
12	Pengarah Pembangunan Negeri Johor	Encik Nor Rizan bin Mohd. Thani
13	Pengarah Jabatan Alam Sekitar Negeri Johor	Dr. Zulkifli bin Abd Rahman
14	Pengarah Jabatan Pertanian Negeri Johor	Tuan Haji Adnan bin Mat Kasim
15	Pengarah Jabatan Pengaliran dan Saliran Negeri Johor	Encik Chong Chee Han
16	Ketua Eksukitif Iskandar Malaysia	Tuan Haji Ismail bin Ibrahim
17	Pengarah Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Johor	Tuan Haji Azam bin Mohd. Abid (Setiausaha)

Senarai Keahlian Jawatankuasa Perancang Negeri Johor Tahun 2010

Bagi melaksanakan seksyen 4(1) Akta Perancangan Bandar dan Desa ( 1976) Akta 172, ahli-ahli Jawatankuasa Perancang Negeri Johor telah dilantik.

## MESYUARAT JAWATANKUASA PERANCANG NEGERI TAHUN 2010

BILANGAN	TARIKH	KERTAS MESYUARAT
Mesyuarat JPN 01/2010	4 Januari 2010	2 - Kertas Dasar 3 - Kertas Rancangan Pemajuan 5 - Kawalan Pembangunan 2 - Kertas Pemakluma
Mesyuarat JPN 02/2010	26 April 2010	2 - Kertas Dasar 4 - Kertas Rancangan Pemajuan 1 - Kawalan Pembangunan 3 - Kertas Pemakluman
Mesyuarat JPN 03/2010	14 Jun 2010	1 - Kertas Dasar 3 - Kawalan Pembangunan
Mesyuarat JPN 04/2010	12 Ogos 2010	2 - Kertas Dasar 1 - Kawalan Pembanguna 1 - Kertas Pemakluman

Selaras peruntukan seksyen 4(4), Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172), Pengarah JPBD merupakan Setiausaha kepada Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Dalam melaksanakan tugas tersebut, sebanyak 4 kali mesyuarat JPN telah diadakan. Bahagian ini juga bertanggungjawab terhadap kertas-kertas kerja yang diangkat ke mesyuarat Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN). Walaubagaimanapun, tahun 2010, tiada kertas berkaitan MPFN dibentangkan dalam JPN.

Sebanyak 30 kertas kerja telah dibentangkan di mana 7 daripadanya melibatkan kertas kerja dasar seperti Central Forest Spine (CFS), Program Pemutihan Industri Negeri Johor dan dasar-dasar perancangan bandar dan desa.

## AKTIVITI PENYELARASAN DASAR

Bahagian ini juga menjalankan penyelarasan pelaksanaan dan pemakaian Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172) dan juga penyelesaian Akta-akta berkaitan untuk diselaras dan digunapakai bagi akitiviti perancangan bandar dan desa di Negeri Johor.

Bahagian ini bertanggungjawab di atas perkara-perkara berikut :

- Memantau pelaksanaan Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976, (Akta 172).
- Menyelaras pelaksanaan Kaedah-kaedah berkaitan Akta 172.
- Menyelaras pelaksanaan undang-undang berkaitan perancangan bandar dan desa.
- Menyelaras penyelenggaraan semua garis panduan yang telah dipersetujui oleh Jawatankuasa Perancang Negeri.
- Menyelaras pelaksanaan ISO 9001 : 2008 dan pelaksanaan Pekeliling Kemajuan Perkhidmatan Awam (KPPA).
- Menyedia Laporan Tahunan Jabatan dan pelaporan berkaitan Program Hebahan Dasar Perancangan Bandar dan Desa melibat penerbitan Buletin Rancang, Laporan Tahunan dan Laporan berkaitannya.
- Pelaporan Mesyuarat Peringkat Tertinggi di Ibu Pejabat dan Negeri.
- Urusetia Mesyuarat PBT/OSC dan JPBD Negeri Johor.



MESYUARAT TEKNIKAL PBT-OSC – JPBD JOHOR

Dalam melaksanakan penyelarasan teknikal berkaitan prosedur dan pelaksanaannya di kalangan Pihak Berkuasa Tempatan dan Pusat Setempat (OSC), JPBD Johor telah mensasarkan dua (2) kali mesyuarat / perbincangan / bengkel dengan PBT / OSC khusus berkaitan perkara-perkara teknikal.

BIL	TARIKH MESYUARAT	ISU-ISU BERBANGKIT
Mesyuarat PBT / OSC dan JPBD Negeri Johor Bil 1/2010	4 Januari 2010 The Zon, Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Rayuan Negeri Johor</li> <li>Kaedah-kaedah Pengawalan dan Perancangan Am Negeri Johor 2008</li> <li>Hal-hal berkaitan Teknikal</li> </ul>
Mesyuarat PBT / OSC dan JPBD Negeri Johor Bil 2/2010	12 Oktober 2010 Blue Wave Hotel, Johor Bahru	<ul style="list-style-type: none"> <li>Lembaga Rayuan Negeri Johor</li> <li>Kaedah-kaedah Pengawalan dan Perancangan Am Negeri Johor 2008</li> <li>E-Kawal Selia</li> <li>Hal-hal berkaitan Teknikal</li> </ul>



### LEMBAGA RAYUAN NEGERI JOHOR

Bahagian ini juga bertanggungjawab sebagai urusetia terhadap pendaftaran rayuan dan juga mengendalikan prosiding Lembaga Rayuan Negeri Johor sebagaimana yang ditetapkan di bawah peruntukan Seksyen 36, Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Pendaftar Lembaga Rayuan Negeri Johor adalah En. Md. Nazri bin Abdullah.

Sebanyak lapan (8) kes telah diterima dan tujuh (7) daripadanya telah diselesaikan pada tahun 2010. Manakala, satu (1) kes di peringkat semakan Timbalan Pengerusi Lembaga Rayuan negeri Johor. Kes-kes yang telah dibicarakan sepanjang tahun 2010 seperti berikut :



BIL	PERAYU	RAYUAN	PBT	PERBICARAAN
1.	REGLAND DEVELOPMENTS SDN BHD.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 1661 GM21, MUKIM RENGGAM, DAERAH KLUANG.	MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM	29 MAC 2010
2.	ENVILINK SDN. BHD.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT PTD 6835 HS(M) 5535, MUKIM SIMPANG KIRI, DAERAH BATU PAHAT	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	27 APRIL 2010

PENTADBIRAN

BIL	PERAYU	RAYUAN	PBT	PERBICARAAN
3.	MUDI PEMBINAAN SDN. BHD.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 1986 EMR 683 (SELUAS 1.525 EKAR), MUKIM SIMPANG KANAN, DAERAH BATU PAHAT	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	27 APRIL 2010
4.	SKF PROPERTIES SDN. BHD.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 610 (GM 2688), MUKIM API-API, DAERAH PONTIAN	MAJLIS DAERAH PONTIAN	15 JUN 2010
5.	NEWLAND FORTUNE SDN. BHD.	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN PERUMAHAN DI ATAS LOT 337 (GM 3223), MUKIM AYER BALOI, DAERAH PONTIAN	MAJLIS DAERAH PONTIAN	15 JUN 2010
6.	HALIM BIN OTHMAN	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG (SEKSYEN 21, 172) DAN TUJUAN TUKAR SYARAT PECAH SEMPADAN (SEKSYEN 124A AKTA 56) DARIPADA PERTANIAN KEPADA PERDAGANGAN DAN LOT PERTANIAN DI ATAS LOT PT 165, MUKIM KOTA TINGGI, DAERAH KOTA TINGGI.	MAJLIS DAERAH KOTA TINGGI	23 OGOS 2010
7.	KEAH SAY WAN & LIM HOCK LIM	PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG MENGIKUT SEKSYEN 21, AKTA PERANCANGAN BANDAR DAN DESA 1976 (AKTA 172) BAGI TUJUAN PEMBANGUNAN RUMAH BERKEMBAR DI ATAS LOT 2743 (GM 3652), MUKIM MINYAK BEKU, DAERAH BATU PAHAT	MAJLIS PERBANDARAN BATU PAHAT	16 DISEMBER 2010



BAHAGAIAN  
RANCANGAN PEMBANGUNAN



## BAHAGIAAN RANCANGAN PEMBANGUNAN



Zamirzan bin Puji  
(J. 44)



Pn. Azura bt Shajawi  
(J. 41)



En. Nasiruddin



En. Nor Azan bin Othman  
(J. 17)




Pn. Endasih bt. Makdus  
(J. 22 (KUP))


Bahagian ini terlibat secara langsung dalam aktiviti penyediaan, pelaksanaan dan pemantauan kajian-kajian Pelan Pembangunan seperti Penyediaan Rancangan Fizikal Negara (RFN), Rancangan Struktur Negeri (RSN), Rancangan Tempatan Daerah (RTD) dan Rancangan Kawasan Khas (RKK).

Peranan utama Bahagian Rancangan Pembangunan ini adalah bertindak menyelaraskan semua kajian-kajian Rancangan Pembangunan sepertimana peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172).

Secara umumnya dalam tahun 2010, peranan Bahagian ini telah diperkembangkan fungsi sebagai penyelaras bagi Kajian Perubahan Rancangan Tempatan selaras dengan arahan Jawatankuasa Perancang Negeri dan juga kajian-kajian khusus dan setempat. Kajian ini dijalankan menggunakan peruntukan Jabatan dan juga PBT.

1.0 KAJIAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH BATU PAHAT

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
Kos	Kos ditanggung oleh JPBD Negeri Johor dan Majlis Perbandaran Batu Pahat
STATUS KAJIAN	Draf Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002-2020 (Pengubahan) yang merangkumi; - Jilid 1 (Peta Cadangan dan Jadual Kelas Gunatanah) - Jilid 2 (Perlaksanaan: Development Facilitation)
SKOP KAJIAN 	<ul style="list-style-type: none"> <li>i. Menyelaras dan menterjemahkan hasil penemuan kajian yang dijalankan pada tahun 2009 kepada Peta Cadangan Gunatanah dan Jadual Kelas Gunatanah, Draf RTD Batu Pahat 2002-2020(Pengubahan);</li> <li>ii. Mencadang dan membuat perubahan zoning dengan mengambilkira tekanan dan trend pembangunan semasa serta akan datang (termasuk keperluan Pihak Berkuasa Tempatan);</li> <li>iii. Menyelaras hasil kajian persempadanan PBT di Negeri Johor dan lain-lain kajian terdahulu yang telah disediakan;</li> <li>iv. Mengenalpasti kawasan-kawasan yang berkepentingan, bermasalah atau berpotensi yang memerlukan kajian lanjutan, seperti Kajian Rancangan Kawasan Khas;</li> <li>v. Menyelaras dan mengambilkira cadangan pembangunan projek-projek berbentuk fizikal oleh jabatan/ agensi-agensi kerajaan di Daerah Batu Pahat ke dalam RTD Batu Pahat (Pengubahan) ini, khususnya yang melibatkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) (Development Facilitation).</li> </ul>

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<p data-bbox="269 705 373 730"><b>RUMUSAN</b></p> 	<p data-bbox="467 701 1390 840">Kajian pengubahan ini perlu disebabkan oleh faktor perkembangan semasa pembangunan terutamanya yang melibatkan isu pertumbuhan industri di luar zon industri yang telah ditetapkan dalam Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat 2002-2020 terdahulu dan ia telah menimbulkan pelbagai masalah kepada persekitarannya dan kepada pihak pengurusan seperti PBT, Pejabat Tanah dan lain-lain agensi kerajaan yang berkaitan.</p> <p data-bbox="467 867 1390 1140">Hasil kajian menunjukkan, Daerah Batu Pahat mempunyai pelbagai potensi dan sumberjaya yang sesuai dibangunkan untuk menjadikannya salah satu daerah yang maju dan berdaya saing terutamanya dalam sektor perindustrian. Pertumbuhan dan permintaan yang berterusan dalam sektor ini amat membrangsangkan dan dilihat mampu bersaing dan berkembang sekiranya pelbagai inisatif dan insentif dan perancangan yang tersusun dapat dibuat. Sehubungan itu, pengubahan ke atas Rancangan Tempatan Daerah Batu Pahat ini diharap dapat menyokong permintaan dan keperluan pembangunan sektor ini dan lain-lain sektor yang berpotensi tanpa menjejaskan kualiti persekitaran dan seimbang dengan keperluan sosial, ekonomi serta memberikan kesan positif kepada penduduk setempat.</p>



**2.0 KAJIAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH MUAR (TERMASUK LEDANG)**

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<p><b>PENGENALAN DAN KRONOLOGI KAJIAN</b></p>	<p>Kajian ini merupakan kajian perubahan ke atas Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002-2015 yang telah diwartakan oleh Kerajaan Negeri Johor pada 3 Januari 2008 dengan no. warta NO.1.J. P.U.3.JIL 52.</p> <p>Kawasan kajian adalah meliputi keseluruhan Daerah Muar dan Daerah Ledang, seluas 236,680.19 hektar dan melibatkan dua Pihak Berkuasa Perancang Tempatan iaitu Majlis Perbandaran Muar (MPM) dan Majlis Daerah Tangkak (MDT).</p> <p>Kajian perubahan ini adalah perlu disebabkan faktor-faktor berikut:                      Keperluan pengurusan diantara agensi dan kawalan perancangan, yang disebabkan pemecahan Daerah Muar kepada dua iaitu Daerah Muar dan Daerah Ledang;</p> <p>Perubahan trend pembangunan semasa yang mendesak (terutamanya industri) yang memerlukan tindakan perubahan ke atas zon perancangan semasa;</p> <p>Keperluan untuk mengambilkira dan menyelaras perubahan zon perancangan, berdasarkan trend pembangunan semasa dan akan datang yang berpotensi dan lebih ekonomik;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Keperluan untuk menambahbaik Dokumen Rancangan Tempatan ini bagi rujukan utama dan bersama oleh semua agensi dan jabatan di peringkat Daerah.</li> </ul> <p>Kajian ini juga merupakan kajian lanjutan dari tahun 2009 yang mana skop utamanya adalah mengemaskini Pengkalan Data Asas RTD Muar berdasarkan:</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Pelan-pelan yang telah diluluskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (MPM dan MDT) dan Pihak Berkuasa Negeri (melalui Jawatankuasa Perancang Negeri dan Jawatankuasa Ubahsarat Tanah Pertanian Kepada Industri dan sebagainya)</li> <li>• Menyelaraskan hasil kajian-kajian terdahulu yang telah dijalankan seperti RKK, Kajian Pemutihan Industri Luar Zon Negeri Johor dan sebagainya lagi.</li> </ul>

## BAHAGAIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<b>STATUS KAJIAN</b>	Siap Dokumen: Draf Rancangan Tempatan Daerah Muar 2002-2015 (Pengubahan) yang merangkumi ; <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jilid 1 (Peta Cadangan dan Jadual Kelas Gunatanah)</li> <li>• Jilid 2 (Perlaksanaan: Development Facilitation)</li> </ul>
<b>SKOP KAJIAN</b>	<p>Menyelaras dan menterjemahkan hasil penemuan kajian yang dijalankan pada tahun 2009 kepada Peta Cadangan Gunatanah dan Jadual Kelas Gunatanah, Draf RTD Muar 2002-2015 (Pengubahan);</p> <p>Menyelaras dan mencadang perubahan-perubahan zon perancangan dengan mengambil kira tekanan dan trend pembangunan semasa serta masa hadapan;</p> <p>Mengenalpasti kawasan-kawasan yang berkepentingan, bermasalah atau berpotensi yang memerlukan kajian lanjutan, seperti Kajian Rancangan Kawasan Khas;</p> <p>Menyelaras dan mengambil kira cadangan pembangunan projek-projek berbentuk fizikal oleh jabatan/ agensi-agensi kerajaan di Daerah Batu Pahat ke dalam RTD Batu Pahat (Pengubahan) ini, khususnya yang melibatkan Rancangan Malaysia Ke-10 (RMK-10) (Development Facilitation).</p>
<b>RUMUSAN</b>	<p>Daerah Muar dan Daerah Ledang dikenalpasti mempunyai daya kekuatannya yang tersendiri, saling melengkapi dan pada masa yang sama turut sama bersaing dalam memajukan kawasan masing-masing. Kedudukannya yang bersempadanan dengan Negeri Melaka memberikan kedua-dua daerah ini peluang dalam pelbagai sektor terutamanya sektor pelancongan yang senonim dengan Negeri Melaka. Kepelbagaian sumber tempatan dan permintaan terhadap kawasan perindustrian dan perdagangan juga dilihat memberi peluang dan potensi untuk kedua-dua Daerah ini berkembang dan terus maju. Sehubungan itu, kajian pengubahan ini telah menyelaras keperluan terhadap tren dan potensi-potensi tersebut sesuai dengan matlamat dan visi pembangunan daerah masing-masing. Di samping mengambil kira keperluan dan perancangan pihak Berkuasa Tempatan serta lain-lain jabatan atau agensi kerajaan yang terlibat.</p>

### 3.0 KAJIAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH JOHOR BAHRU (TERMASUK KULAIJAYA)

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<p><b>PENGENALAN DAN KRONOLOGI KAJIAN</b></p>	<p>Kajian ini merupakan pengubahan ke atas Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru yang telah disediakan sejak tahun 2002 dan seterusnya telah dimuktamadkan untuk pewartaan pada 3 Januari 2008 melalui No.warta: NO.1.J. PU.2.JIL 52.</p> <p>Kawasan kajian adalah meliputi keseluruhan Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulaijaya dengan keluasan 181,776.20 hektar atau 9.57% daripada keseluruhan Negeri Johor. Daerah Kulaijaya berkeluasan 74,699.20 hektar, manakala Daerah Johor Bahru adalah seluas 107,077.00 hektar.</p> <p>Kajian ini juga merangkumi kawasan 4 buah Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Majlis Bandaraya Johor Bahru (MBJB), Majlis Perbandaran Johor Bahru Tengah (MPJBT), Majlis Perbandaran Kulai (MPKu) dan Majlis Perbandaran Pasir Gudang (MPPG).</p>
TEMPOH KAJIAN	JUN 2010 – DISEMBER 2010 (DILANJUTKAN SEHINGGA MAC 2011)
<p><b>STATUS KAJIAN</b></p>	<p>Siap Dokumen: Draf Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020 (Pengubahan) yang merangkumi ;</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• Jilid 1 (Bahagian A: Pengenalan &amp; Kerangka Halatuju Pembangunan dan Bahagian B: Peta Cadangan &amp; Jadual Kelas Gunatanah)</li> <li>• Jilid 2 (Perlaksanaan: Development Facilitation)</li> </ul>
<p><b>OBJEKTIF KAJIAN</b></p>	<p>Menyemak, menganalisa dan mengezonkan semula gunatanah peta cadangan selaras dengan keperluan semasa pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan keperluan pembangunan masa hadapan Daerah Johor Bahru dan Kulaijaya.</p> <p>Menyediakan satu sistem maklumat dan pangkalan data yang lengkap dan fleksibel terutama bagi keperluan kawalan perancangan.</p> <p>Menyediakan laporan cadangan sektoral secara 'site specific' dan agensi pelaksana mengikut format yang ditetapkan bagi tujuan 'development facilitation'.</p>

## BAHAGAIAN RANCANGAN PEMBANGUNAN

TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<p><b>SKOP KAJIAN</b></p>	<p>Mengemaskini gunatanah semasa dan komited kawasan kajian berdasarkan kelulusan perancangan dan pembangunan PBPT, Jawatankuasa Perancang Negeri, Jawatankuasa Ubahsyarat Tanah Pertanian kepada Industri, dan lain-lain ubahsyarat tanah selain dari pertanian kepada industri;</p> <p>Menyelaras perubahan-perubahan zon perancangan berdasarkan kepada kajian yang disediakan oleh PBPT seperti RKK dan yang seumpamanya;</p> <p>Mengenalpasti tekanan dan trend pembangunan semasa dan masa hadapan berdasarkan kepada percanggahan gunatanah dengan RT dalam permohonan perancangan PBPT dan kajian lapangan;</p> <p>Mengkaji pengezonan semula ke atas guna tanah sedia ada kepada zon perancangan gunatanah yang lebih ekonomik atau sebaliknya terutamanya perumahan kepada perniagaan dan perindustrian kepada perniagaan;</p> <p>Menyelaras cadangan gunatanah di dalam kajian <i>'Integrated Landuse Blueprint' – Comprehensive Development Plan</i> yang disediakan oleh pihak IRDA;</p> <p>Menyelaras secara <i>'adopt dan adapt'</i> sebagai garis panduan khusus terhadap kesemua kajian-kajian 'blueprint' yang dijalankan oleh Pihak Berkuasa Wilayah Iskandar (IRDA);</p> <p>Mengenalpasti cadangan-cadangan kemudahan infrastruktur dan utiliti, kemudahan masyarakat dan kemudahan rekreasi agensi pelaksana untuk diselaraskan dengan keperluan garis panduan ke-2 RMK10;</p> <p>Mengenalpasti cadangan sistem perhubungan dan lalulintas dan sektor pengangkutan awam agensi pelaksana untuk diselaraskan dengan cadangan sedia ada;</p> <p>Mengenalpasti kawasan-kawasan khas yang berpotensi untuk tindakan pelaksanaan sebagai kawasan pemajuan;</p> <p>Mengemaskini jadual kelas gunatanah (use class order) selaras perubahan-perubahan di dalam perkara 8.1 hingga 8.8 dan juga penyelarasan terhadap undang-undang kecil lesen dan perniagaan pihak berkuasa tempatan yang berkaitan serta berdasarkan format terkini manual RT;</p> <p>Mengemaskini sistem maklumat perancangan dan pangkalan data gunatanah semasa, gunatanah komited dan zon perancangan bagi setiap sektor perancangan;</p> <p>Mendokumenkan setiap cadangan sektoral berdasarkan agensi pelaksana bagi membantu penyediaan program/projek RMLT.</p>



TEMPOH KAJIAN	JULAI 2010 – DISEMBER 2010
<p>RUMUSAN</p>	<p>Kepesatan dan kerancakkan pembangunan di Daerah Johor Bahru dan Kulaijaya secara langsung telah menjejaskan keupayaan dan kedayalaksanaan Dokumen Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020 yang telah mula disediakan sejak tahun 2002 itu. Sehubungan itu, pengubahan ke atas dokumen tersebut dilihat satu keperluan yang mendesak. Tambahan pula pengisytiharan kawasan koridor pembangunan ekonomi wilayah selatan negara atau Iskandar Malaysia yang meliputi keseluruhan Daerah Johor Bahru, Daerah Kulaijaya serta sebahagian Daerah Pontian merupakan salah satu isu yang signifikan untuk diselaraskan di dalam dokumen rancangan tempatan. Di samping keperluan menyelaraskan bersama Dokumen Blueprint yang telah disediakan bagi digunakan dan dilaksanakan di kawasan Iskandar Malaysia.</p> <p>Selain itu, penubuhan Jawatankuasa Pusat Setempat (OSC) di dalam setiap pihak berkuasa tempatan di dalam negara ini pada tahun 2007 bagi menambahbaik sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan terutamanya dalam memproses permohonan-permohonan yang berkaitan dengan pemajuan memberikan justifikasi yang sangat kukuh untuk memantapkan isi kandungan dokumen rancangan tempatan agar ia mampu untuk menangani permintaan pasaran semasa dan akan datang.</p> <p>Di samping menyelaraskan semula persempadanan daerah-daerah Negeri Johor pada tahun 2006, yang telah memisahkan Daerah Johor Bahru kepada dua daerah yang berasingan iaitu Daerah Johor Bahru dan Daerah Kulaijaya. Melalui persempadanan ini telah memberikan implikasi dari segi strategi pembangunan dan keberkesanan pentadbiran serta pertimbangan dalam membuat keputusan perancangan terhadap kawasan masing-masing.</p> <p>Oleh itu, pengubahan Rancangan Tempatan Daerah Johor Bahru 2020 adalah bertepatan dengan keperluan pelbagai pihak, sama ada kerajaan terutamanya pihak berkuasa tempatan, swasta, pelabur dan juga penduduk-penduduk di daerah ini, ke arah memastikan pembangunan yang dilaksanakan sejajar dengan keperluan ekonomi, sosial dan alam sekitar serta memberi pulangan serta kesan positif kepada semua pihak.</p>

### 4.0 KAJIAN PENGUBAHAN RANCANGAN TEMPATAN DAERAH PONTIAN

Bahagian kawalan pembangunan daerah Johor Bahru, Kulaijaya dan Pontian telah bertanggungjawab dalam aktiviti penyediaan, pelaksanaan dan pemantuan ke atas **Kajian Draf Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2002 – 2015 (Pengubahan)**. Tempoh penyediaan kajian ini adalah 6 bulan daripada tarikh peralihan perunding dan kajian ini dijalankan oleh perunding yang dilantik. Pengubahan ini merupakan pindaan terhadap RTD Pontian yang telah diwartakan melalui Warta Kerajaan : NO.1. J. P.U.1.JIL 52 pada 3 Januari 2008.

Penyediaan kajian ini pada dasarnya adalah bertujuan untuk menghasilkan satu dokumen **Rancangan Tempatan Daerah (RTD) yang lebih lengkap dan relevan** terhadap keperluan pihak berkuasa perancang tempatan khususnya dalam membantu Majlis Daerah Pontian (PBT) dalam urusan berkaitan menilai dan memproses permohonan kawalan perancangan dengan lebih tepat dan berkesan. Oleh yang sedemikian, hasil akhir bagi cadangan kajian ini adalah merangkumi **peta asas dan peta cadangan gunatanah serta jadual klasifikasi gunatanah RTD** yang lebih terperinci dan selaras dengan keperluan semasa pihak berkuasa perancangan negeri dan tempatan.

**Skop Kajian Pengubahan ini meliputi perkara berikut :**

- Menyemak, menganalisa dan mengezonkan semula gunatanah peta cadangan selaras dengan keperluan semasa pihak berkuasa perancang tempatan (PBPT) dan keperluan pembangunan masa hadapan Daerah Pontian.
- Menyediakan satu sistem maklumat dan pangkalan data yang lengkap dan fleksibel terutama bagi keperluan kawalan perancangan.
- Menyediakan laporan cadangan sektoral secara *'site specific'* dan agensi pelaksana mengikut format yang ditetapkan bagi tujuan *'development facilitation'*.
- Mengemaskini gunatanah semasa dan komited kawasan kajian berdasarkan kelulusan perancangan dan pembangunan PBPT, Jawatankuasa Perancang Negeri, Jawatankuasa Ubahsyrat Tanah Pertanian kepada Industri, dan lain-lain ubahsyrat tanah selain dari pertanian kepada industri;
- Menyelaraskan cadangan gunatanah di dalam kajian *'Integrated Landuse Blueprint' – Comprehensive Development Plan* yang disediakan oleh pihak IRDA;
- Mengemaskini jadual kelas gunatanah (*use class order*);
- Mendokumenkan setiap cadangan sektoral berdasarkan agensi pelaksana bagi membantu penyediaan program/projek RMLT.

Berikut adalah penyerasan dan bengkel teknikal yang dijalankan dalam penyediaan Kajian Draft Rancangan Tempatan Daerah Pontian 2002 – 2015 (Penggubahan)

BIL	PEKARA	TARIKH	TEMPAT
1.	Mesyuarat Penyelarasan Perbincangan Asas Rujukan Dan Penetapan Anggaran Kos Kajian	31 Mei 2010	JPBD Johor
2.	Perbincangan RTD Pontian (Penggubahan)	3 Jun 2010	MDP
3.	Bengkel @ Workshop RTD Pontian (Penggubahan) Sesi 1	7-8 Jun 2010	MDP
4.	Mesyuarat Teknikal RTD Pontian (Penggubahan)	30 Jun 2010	JPBD Johor
5.	Bengkel @ Workshop RTD Pontian (Penggubahan) Sesi 2	22 Julai 2010	Hotel Pontian, Pontian
6.	Mesyuarat Teknikal RTD Pontian (Penggubahan)	5 Okt 2010	JPBD Johor
7.	Mesyuarat Teknikal RTD Pontian (Penggubahan)	20 Okt 2010	JPBD Johor
8.	Mesyuarat Penyelarasan Pemutihan Industri Bagi Cadangan Kajian RTD Pontian (Penggubahan)	28 Okt 2010	JPBD Johor
9.	Mesyuarat Penyelarasan RTD Pontian (Penggubahan) (Development Facilitation)	26 Nov 2010	JPBD Johor
10.	Bengkel @ Workshop RTD Pontian (Penggubahan) Sesi 3	1 Dis 2010	Hotel Grand Bluewave, Johor Bahru
11.	Mesyuarat Teknikal RTD Pontian (Penggubahan) (Draft Akhir)	21 Dis 2010	JPBD Johor

5.0 KAJIAN PEMBANGUNAN KOMUNITI, PULAU PENAREK, LEDANG

TEMPOH KAJIAN	MEI 2010 - OKTOBER 2010
KAWASAN KAJIAN	<p>Kawasan kajian adalah meliputi keseluruhan perkampungan Pulau Penarik yang terletak berhampiran pekan Sungai Mati dan kira-kira 12 km dari Bandar Muar serta 15 km dari Bandar Tangkak. Kawasan kajian berada di bawah pentadbiran Majlis Daerah Ledang. Terdapat kira-kira 65 buah rumah kampung dengan anggaran penduduk seramai 260 orang. Aktiviti ekonomi masyarakat tempatan yang majoritinya adalah petani dan nelayan.</p>
